

T. Tangan
Kuala Lumpur City News

Berita

BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.2 Februari 2006/ Muharam 1427H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

DATUK BANDAR BERSAMA ANDA



Y. Bhg. Datuk Ruslin Haji Hasan, Datuk Bandar Kuala Lumpur bertemu dengan orang awam semasa Program Datuk Bandar Bersama Anda - Gambar Berita Bandaraya

Selain temujanji, taklimat dan perjumpaan dengan Datuk Bandar, satu lagi program untuk mendekati orang ramai telah diadakan. Pada 20hb Januari 2006 (Jumaat) bertempat di bilik Mesyuarat Tingkat 3, Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), buat julung-julung kalinya telah berlangsung Program Datuk Bandar Bersama Anda dari jam 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari.

Y. Bhg. Datuk Haji Ruslin, Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama pihak pengurusan tertinggi, Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya serta ketua-ketua jabatan telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan sebulan sekali untuk mendengar sendiri aduan dan kebimbangan warga kota. Ini menunjukkan keprihatinan Y. Bhg. Datuk Bandar dalam membantu setiap warga kota untuk menyelesaikan permasalahan yang berkaitan skop dan perkhidmatan DBKL sebagai pihak berkuasa tempatan.

Beliau juga bersetuju agar program tersebut diadakan setiap bulan bagi memberi peluang kepada warga kota mengemukakan permasalahan mereka dalam konteks yang lebih mesra dan efisien terus

kepada beliau. Program yang direncanakan sebulan sekali ini diyakini dapat membantu membudayakan amalan layanan mesra pelanggan dan seterusnya meningkatkan imej DBKL secara keseluruhannya.

Sambutan yang diterima daripada orang ramai sungguh menggalakkan di mana seramai 11 orang pengadu telah hadir di sesi pertama program ini diadakan dengan mengutarakan pelbagai aduan serta cadangan kepada Jabatan-jabatan terbabit seperti Jabatan Kerja Awam, Jabatan Perancang, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pembangunan, Direktorat Penguatkuasaan, Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pengangkutan Bandar.

Kebanyakan isu-isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan urusan penjaan, pembuangan sampah sarap, kesesakan lalulintas dan penecemaran alam sekitar seperti bunyi bisling dan sebagainya. Program tersebut telah berlangsung dengan lancar dalam suasana yang mesra dan harmoni. Kesudian Y. Bhg. Datuk Bandar untuk turut serta menjawab pelbagai soalan amatlah dihargai oleh pengadu-pengadu yang menghadiri program tersebut. Di dalam sesi ini orang ramai berpeluang untuk bertemu dan berdialog secara terus dalam memastikan setiap isu yang dikemukakan mendapat perhatian segera.

Wakil-wakil media turut hadir bersama dalam program ini untuk membuat liputan dan memberi maklumat-maklumat mengenai acara tersebut melalui akhbar dan stesen televisyen. Hasil daripada maklumbalas yang diberikan oleh warga kota berhubung program ini amat menggalakkan dan ia adalah satu peluang yang ditunggu-tunggu oleh warga kota untuk mengutarakan permasalahan mereka terus kepada Datuk Bandar bersama pihak pengurusan DBKL.

Dari Meja Datuk Bandar



Selamat Hari Wilayah Persekutuan Ke-32

Tanpa kita sedari kita telah pun melangkah ke bulan Februari 2006 yang penuh dengan harapan dan cabaran. Apa yang saya maksudkan dengan harapan ialah agar warga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dapat terus mempertingkatkan kualiti kerja di samping mewujudkan sikap proaktif dan integriti dalam budaya kerja mereka. Perkara ini sesungguhnya merupakan teras ke arah mewujudkan kakitangan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Cabaran pula bermaksud kita harus bergerak pantas seiring dengan kemajuan Kuala Lumpur dan tuntutan warga kota yang memerlukan perkhidmatan yang lebih efisien tanpa mengabaikan nilai-nilai murni seperti bersopan santun dan berbudi bahasa dalam tugas sehari-hari kita. Perlu saya tegaskan bahawa sekiranya kita lebih proaktif dan telus dengan kerja kita sudah pasti Kuala Lumpur yang kita cintai ini akan terus berkembang maju.

Sebagaimana pada tahun-tahun sebelumnya dalam bulan Februari, pelbagai aktiviti dan acara telah diadakan, antaranya ialah sambutan Tahun Baru Cina dan sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang ke-32 yang diadakan di Dataran Merdeka. Jika pada tahun lalu Majlis Pelancaran Hari Wilayah diadakan di Kuala Lumpur tetapi pada tahun ini majlis pelancarannya diadakan di Bandaraya Labuan, Sabah.

Bertemakan "Sayangilah Kuala Lumpur", sambutan Hari Wilayah Persekutuan cuba mengajak warga kota agar sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan kecintaan kepada Kuala Lumpur disamping keluarga, masyarakat, budaya dan alam sekitar kerana Kota Kuala Lumpur ini sesungguhnya adalah milik kita semua dan seharusnya kita terus menjaganya dengan baik. Pelbagai acara telah diadakan bersempena sambutan Hari Wilayah ini khusus buat warga kota Kuala Lumpur. Antaranya seperti Majlis Kesyukuran

Dan Forum Perdana yang memulakan sambutan tersebut diadakan di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Lain-lain acara ialah seperti memancing, sykaneka, Studio Sementara Radio KLfm dan sebagainya.

Tujuan acara-acara tersebut diadakan adalah untuk memperatkan hubungan di antara warga kota dengan DBKL di samping dapat memupuk semangat setia kawan dan kekeluargaan di kalangan warga kota. Jikalau melihat kepada program yang telah kita sediakan sempena sambutan Hari Wilayah yang ke-32 ini sudah tentu ianya banyak berkisar ke arah mewujudkan integrasi kaum. Di samping itu kita juga tidak melupakan sumbangan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang turut sama memainkan peranan di dalam pelbagai sektor dalam negara ini, khususnya kraftangan yang mana produk tersebut dipamerkan dan dijual kepada pelancong yang berkunjung ke negara ini.

Persoalannya sejauh manakah warga kota boleh menerima anjakan paradigma seiring dengan usia ulang tahun penubuhan Hari Wilayah yang ke-32 ini? Masalah-masalah umum seperti kegiatan vandalisme dan sikap negatif warga kota umpamanya sikap membuang sampah merata-rata masih sukar dikikis. Perkara ini perlu kita lihat dalam perspektif yang lebih luas di mana persekitaran yang bersih dan sihat amat perlu dalam memperindah dan memperkasakan lagi Kuala Lumpur. Adalah diharapkan kita akan mula mengorak langkah bagi memperbaiki segala kelemahan yang ada seiring dengan kemajuan Kuala Lumpur yang kita sayangi ke arah visi mencapai status Bandaraya Bertaraf Dunia.

Pandangan

Berita Bandaraya ini menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan kemajuan DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai. Jika anda mempunyai pandangan mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah sampaikan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya Unit Hal-Bayal Awam & Antarabangsa, Tingkat 29 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, alamat, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Dato' Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan
Ketua Editor: Tuan Hj. Salleh Bin Yusup
Editor: Hanim Binti Hj. Hashim
Sub-Editor: Nur Diana Bt Md Ghazali
Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor

STATISTIK BULAN JANUARI 2006 BAGI JALAN YANG DIBAIKI

Sejumlah 561 bilangan 'potholes' telah dibaiki sepanjang bulan Januari 2006. 'Potholes' yang telah dibaiki ini adalah hasil daripada aduan yang diterima iaitu daripada sumber talian 'hotline', surat, aduan daripada pejabat cawangan dan juga hasil pemeriksaan tenaga jabatan.

Daripada jumlah bilangan 'potholes' ini yang telah dibaiki, majoriti daripadanya ialah hasil pemeriksaan tenaga jabatan iaitu sejumlah 445. Melalui talian 'hotline' pula, bilangan 'potholes' dibaiki berjumlah 68 manakala sejumlah 46 lagi 'potholes' yang dibaiki adalah hasil aduan yang diterima daripada pejabat cawangan. Hanya dua daripada keseluruhan jumlah 'potholes' yang dibaiki aduannya diterima melalui surat.

Kebanyakan daripada 'potholes' ini berjaya dibaiki dalam tempoh satu hingga tiga jam setelah aduan diterima kecuali satu 'potholes' yang diakibatkan oleh kerja-kerja menanam kabel atau baik pulih oleh agensi-agensi utiliti lain yang akan memakan masa.

ADUAN AWAM SEPANJANG TAHUN 2005

Sebagai satu organisasi yang memberi perkhidmatan kepada orang awam atau pelanggan, kita tidak dapat lari daripada kesilapan atau keburukan. Oleh itu, bantuan daripada orang awam amatlah dialu-alukan kerana ini secara tidak langsung dapat membantu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempertingkatkan khidmat untuk orang ramai. Aduan orang ramai dapat membantu DBKL untuk memperbaiki apa yang perlu dan seterusnya menjamin keselesaan semua.

Sebanyak 5,048 kes aduan awam telah direkodkan sepanjang tahun 2005 oleh Sistem Pengaduan Awam Kuala Lumpur (PAKL) dan daripada jumlah ini, 70.9% (3,560 kes) telah berjaya diselesaikan. Mengikut data yang diperolehi sebanyak 44.3% penurunan aduan dicatatkan bagi tahun 2005 berbanding bagi tahun 2004 (7,284 kes).

Dalam tahun 2005, kesemua jabatan pelaksana iaitu sebanyak 23 jabatan, 4 unit dan 11 pejabat cawangan telah disambungkan kepada sistem PAKL. Ini dilaksanakan atas keperluan tindakan bersepadu jabatan-jabatan DBKL untuk menyelesaikan dan mempercepatkan penyelarasan aduan-aduan yang diterima.

Daripada analisis yang dilakukan, didapati rata-rata aduan yang dibuat pada tahun 2005 menunjukkan penurunan jika dibandingkan dengan tahun 2004. Sebagai contoh, penurunan bilangan aduan daripada kategori halangan merupakan jumlah penurunan yang tertinggi iaitu penurunan sebanyak 635 aduan diikuti oleh aduan kategori kemudahan awam dengan penurunan sebanyak 615 aduan.

Aduan-aduan yang kerap diterima daripada orang ramai antaranya adalah melalui telefon, surat, e-aduan, e-mail, faks, bersemuka, Biro

Pengaduan Awam (BPA) dan juga aduan melalui media.

Rekod menunjukkan jumlah aduan bagi kategori kebersihan merupakan jumlah yang tertinggi (1,008 aduan) pada tahun 2005. Antara jenis-jenis aduan kebersihan yang diterima ialah aduan mengenai sampah sarap, lalang (kawasan persendirian/kerajaan), kekotoran premis, kekotoran jalan dan sisa-sisa binaan.

Halangan pula direkodkan sebagai kategori kedua aduan tertinggi (795 kes) daripada jumlah keseluruhan aduan yang diterima. Jenis-jenis aduan yang dilaporkan di bawah kategori ini ialah halangan oleh suatu struktur di laluan awam, penjaja tanpa lesen, kesalahan lalu lintas, kenderaan buruk dan juga gerai yang terbiar.

Di dalam usaha DBKL untuk menangani masalah yang dihadapi oleh warga kota, satu pendekatan mesra rakyat telah dilakukan di mana Datuk Bandar Kuala Lumpur sendiri turun ke padang bertemu pelanggan sebulan sekali untuk sama-sama membantu warga kota mengatasi masalah mereka. Pendekatan ini telah dimulakan pada tahun 2006 dan melalui pendekatan ini, beliau dapat memahami dengan lebih terperinci masalah yang dihadapi oleh warga kota.

Dalam usaha untuk mempercepatkan proses kerja dan mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kepada warga kota, pihak pengurusan DBKL telah mencalonkan Sistem PAKL ini ke dalam Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (APTMM) Tahun 2005 bagi sektor awam. APTMM ini adalah untuk mengiktiraf inisiatif dan projek-projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dibangunkan oleh agensi kerajaan, swasta dan badan sosio-ekonomi.